

TAZKIRAH

Menyembunyikan Ilmu

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan keterangan-keterangan dan petunjuk yang telah Kami turunkan selepas Kami terangkan kepada manusia di dalam kitab, mereka itu dilaknat oleh Allah dan dilaknat oleh segala yang melaknat. Kecuali orang-orang yang bertaubat, melakukan kebaikan dan menerangkan kebenaran (kepada orang lain). Aku terima taubat mereka kerana Aku Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang (Al-Baqarah : 159 - 160)

Huraian

Ayat 159 dan 160 ini ditujukan kepada pendeta-pendeta Yahudi secara khusus dan secara umum kepada orang-orang yang sengaja menyembunyikan segala sesuatu yang diturunkan oleh Allah di dalam kitabNya. Orang-orang seperti itu akan besarlah celakanya, kerana mendapat laknat Allah dan laknat sekalian orang yang melaknat.

Kata Mujahid : Di antara yang mengutuk itu termasuklah binatang-binatang, - di udara, di laut dan di darat. Binatang-binatang itu akan mengutuk anak Adam yang derhaka, jika datang musim kemarau - hujan tidak turun - dikatakannya : "Semua ini sial disebabkan dosa anak Adam."

Seterusnya, pada ayat 160, ada pengecualian yang tidak dilaknat iaitu :

1. Orang yang sudah bertaubat, mengaku salah dan menyesali kesalahannya dengan berniat tidak berbalik lagi.
2. Orang yang sudah menjadi baik, menjalankan kewajibannya kepada Allah dengan betul.
3. Orang yang tidak lagi menyembunyikan ilmunya dan mahu pula menerangkannya kepada orang ramai.

Allah berjanji akan memaafkan mereka dan menerima taubatnya, kerana Dia Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang kepada hamba-hambaNya.

Dipetik dari kitab TAFSIR AL-QURAN 'ABRUL ASIR (Tafsir Al-Quran di Radio) - Juz 2 Tulisan Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad.